

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Mengalu-alukan Penyewa Utama ke KLGCC Mall Baharu

- Perluasan perniagaan Sime Darby Property dalam sektor runcit dengan pusat beli-belah ketiga milik penuhnya, terletak dalam pembangunan utamanya di Kuala Lumpur;
- Sime Darby Property mengalu-alukan Jaya Grocer, Serai Group, HarborLand Malaysia, ACE Hardware dan Asia Ballet Academy sebagai penyewa utama di KLGCC Mall.

ARA DAMANSARA, 23 JANUARI 2025 – Sime Darby Property (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatat pencapaian penting dengan pemeteraian lima penyewa utama untuk Kuala Lumpur Golf & Country Club (“KLGCC”) Mall, pembangunan runcit kejiranan yang dinanti-nantikan. Penyewa ini termasuk Jaya Grocer, konsep utama Serai Group, ACE Hardware, Asia Ballet Academy dan taman permainan kanak-kanak HarborLand yang pertama di Malaysia.

Terletak dalam pembangunan utamanya di Kuala Lumpur iaitu KLGCC Resort, KLGCC Mall ditempatkan secara strategik bersebelahan dengan Pusat Konvensyen Sime Darby dan menawarkan pemandangan padang golf yang menakjubkan. Pusat beli-belah ini memperkenalkan pendekatan baharu dalam peruncitan kejiranan dengan pemilihan jenama yang disusun dan disesuaikan mengikut keperluan komuniti, serta menawarkan pengalaman berorientasikan keluarga yang tidak dapat dilupakan.

Ini menandakan pusat beli-belah ketiga milik penuh Syarikat, susulan kejayaan KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall yang baru dilancarkan. Ini mengukuhkan lagi kehadiran Sime Darby Property dalam sektor peruncitan dan sejarar dengan visi strategiknya untuk memperluaskan perniagaan runcitnya melalui pewujudan tempat (*placemaking*) di dalam perbandarannya.

Dijangka untuk dibuka pada Q3 2025, pusat beli-belah ini meliputi kira-kira 600,000 kaki persegi keluasan lantai kasar (“GFA”) dan akan menempatkan lebih 80 penyewa. Dengan hampir 70% daripada ruangnya sudah dipenuhi, pusat beli-belah ini bertujuan untuk menyediakan pengalaman runcit tersendiri yang tertumpu kepada penawaran berorientasikan komuniti dan keluarga.

Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican berkata, “Penambahan KLGCC Mall mengukuhkan evolusi pembangunan utama kami di Kuala Lumpur, yang menjadi pelengkap kepada pusat konvensyen, padang

golf, menara pejabat dan projek kediaman bertingkat tinggi yang sedia ada. Pusat beli-belah ini mencerminkan kedudukan strategik kami sebagai syarikat pembangunan harta tanah, di mana peruncitan memainkan peranan penting sebagai sektor pelaburan utama di bawah strategi pendapatan berulang jangka panjang SHIFT25 kami. Kami menghargai kepercayaan yang diberikan oleh penyewa utama kepada kami dan membayangkan pusat beli-belah itu menjadi destinasi pilihan untuk perniagaan berkembang maju.”

Penyewa-penyewa utama ini membawa pelbagai tawaran menarik, menjadikan KL GCC Mall sebagai destinasi komuniti yang bertenaga:

- **Jaya Grocer:** Sebagai rangkaian pasar raya terkemuka di Malaysia, Jaya Grocer akan menawarkan pelbagai pilihan hasil segar, makanan laut yang mampan, barang *gourmet*, dan produk yang mementingkan pemakanan seperti pilihan *vegan* dan bebas gluten. Bahagian khusus, termasuk stesen keju dan kedai roti, akan meningkatkan pengalaman membeli-belah.
- **Serai Group:** Ruang utama seluas 50,000 kaki persegi ini akan menyediakan gabungan untuk sajian (*dining*), runcit (*retail*) dan rekreasi (*leisure*). Menampilkan ruang yang direka dengan teliti, taman atas bumbung dan pemandangan padang golf yang indah, Serai Group akan menawarkan pelbagai gabungan tawaran daripada kedai kopi santai hingga tempat makan perniagaan dan ruang acara kontemporari.
- **HarborLand Malaysia:** Menandakan pembukaan lokasi pertamanya di Malaysia untuk kumpulan itu, dengan lebih 30 cawangan di Thailand serta pengiktirafan sebagai salah satu daripada lima taman permainan dalam terbesar di dunia, HarborLand Malaysia akan menampilkan zon permainan yang inovatif, padang berhalangan dinamik dan bilik parti bertema. Taman permainan ini direka untuk semua peringkat umur dan menjanjikan persekitaran yang selamat dan penuh keseronokan untuk seisi keluarga, dengan tema eksklusif yang akan diumumkan apabila pusat beli-belah itu dilancarkan.
- **ACE Hardware:** Jenama yang diiktiraf di peringkat global, ACE Hardware akan menawarkan rangkaian komprehensif produk pembaikan rumah, alatan dan penyelesaian gaya hidup, menjadikannya destinasi sehenti untuk penggemar DIY dan pemilik rumah.
- **Asia Ballet Academy:** Institusi utama untuk pendidikan balet, akademi ini telah memperoleh reputasi sebagai salah satu institusi tarian yang paling pesat berkembang di rantau ini, dengan pengkhususan dalam kaedah Vaganova. Akademi ini memberi penekanan kepada pembangunan holistik, kecemerlangan artistik dan penglibatan komuniti.

Pelbagai pilihan tempat makan akan ditampilkan seperti El Ocho, Fat Tea dan Maruki Ramen, di samping pertubuhan popular seperti Kay's Steak & Lobster, Pepper Lunch dan ParaThai Signature, menawarkan pengalaman kulinari yang pelbagai, yang menjadikan KLGCC Mall sebagai destinasi makanan utama.

Dengan lokasi utamanya di tengah-tengah kawasan kejiranan mewah Bangsar, Bukit Damansara, Sri Hartamas, Mont Kiara, Bukit Tunku dan Taman Tun Dr Ismail, KLGCC Mall menawarkan aksesibiliti yang baik melalui lebuh raya utama termasuk Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Damansara–Puchong ("LDP"), Lebuhraya Baru Lembah Klang ("NKVE") dan Lebuhraya Sprint, serta kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.simedarbyproperty.com/klgcc-resort/> dan hubungi +603-7728 4773.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadan dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menuju rai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju harta tanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com